

PYRIMINE TABLET 60MG

Pyridostigmine bromide (60mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PYRIMINE
2. Bagaimana PYRIMINE berfungsi
3. Sebelum menggunakan PYRIMINE
4. Cara menggunakan PYRIMINE
5. Semasa menggunakan PYRIMINE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PYRIMINE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan PYRIMINE

PYRIMINE digunakan untuk merawat kelemahan otot yang disebabkan oleh myasthenia gravis.

Bagaimana PYRIMINE berfungsi

PYRIMINE mengandungi bahan aktif Pyridostigmine bromide. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat kolinesterase. Pyridostigmine berfungsi dengan memperlambatkan pemecahan asetilkolin apabila ia dilepaskan dari hujung saraf, dan dengan cara ini membantu otot berfungsi dengan baik.

Sebelum menggunakan PYRIMINE

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil PYRIMINE jika anda:

- alah kepada Pyridostigmine bromide, atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- mempunyai penyumbatan usus.
- mempunyai penyumbatan saluran kencing.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, sila rujuk kepada doktor anda.

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor anda jika anda:

- mempunyai asma.
- mengalami degupan jantung yang perlahan atau tidak teratur.
- mempunyai sebarang masalah pernafasan.
- mempunyai masalah buah pinggang.
- sedang hamil, bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi.
- mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda sedang hamil atau menyusukan, rasa anda mungkin hamil atau bercadang untuk hamil, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil, atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperoleh tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan PYRIMINE. Ini termasuk:

- Ubat antikolinergik seperti Atropine atau Hyoscine (biasanya digunakan untuk merawat cirit-birit atau muntah).
- Ubat pengendur otot seperti Suxamethonium, Pancuronium atau Vecuronium.
- Sesetengah ubat untuk merawat tekanan darah tinggi atau tekanan mata tinggi (glaukoma).

Cara menggunakan PYRIMINE

Sentiasa mengambil ubat ini dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

• Dewasa

Dos biasa ialah 1 hingga 3 tablet, 2 hingga 4 kali sehari, atau dos yang lebih tinggi jika diperlukan.

• Kanak-kanak

Bawah umur 6 tahun: Dos permulaan ialah setengah tablet (30 mg).

6 hingga 12 tahun: Dos permulaan ialah 1 tablet (60 mg).

Doktor anda kemudian akan meningkatkan dos secara beransur-ansur sehingga penambahbaikan diperhatikan. Jumlah dos harian biasanya antara 30 hingga 360 mg.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor dan ahli farmasi anda.

Tablet ini mula berkesan dalam 30 hingga 60 minit selepas pengambilan. Kesan setiap dos

boleh bertahan kira-kira 4 jam pada waktu siang dan kira-kira 6 jam pada waktu malam.

Anda harus cuba mengambil ubat anda supaya ia boleh berfungsi ketika otot paling diperlukan, contohnya, apabila anda bangun dan kira-kira 30 hingga 60 minit sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat selagi diarahkan oleh doktor anda. Tempoh rawatan adalah bergantung kepada keadaan perubatan yang dirawat. Doktor anda boleh memberikan nasihat mengenai perkara ini.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan PYRIMINE secara berlebihan mungkin menyebabkan: Loya, muntah, cirit-birit, penghasilan air liur, peluh atau air mata berlebihan, peningkatan rembesan mukus, degupan jantung yang tidak teratur, tekanan darah rendah, penglihatan kabur, otot lemah atau kejang.

Semasa menggunakan PYRIMINE

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa mengambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.
- Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, ingatkan doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil PYRIMINE.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

• Jika anda bakal menjalani pembedahan, beritahu pakar bedah atau pakar bius bahawa anda sedang mengambil PYRIMINE. Ia mungkin mengganggu kesan ubat lain yang akan digunakan semasa pembedahan.

• Jika anda akan menjalani sebarang ujian darah, beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini. Ia boleh mengganggu keputusan sesetengah ujian.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

• Jangan berikan ubat ini kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama dengan anda.

• Jangan mengambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana PYRIMINE mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PYRIMINE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami mana-mana kesan sampingan berikut:

- Loya
- Muntah
- Cirit-birit
- Kekejangan perut
- Peningkatan peristalsis (pergerakan saluran pencernaan)
- Penghasilan air liur atau peluh berlebihan
- Peningkatan rembesan mukus
- Pengecilan anak mata
- Degupan jantung perlahan
- Kesukaran bernafas
- Otot lemah dan kejang
- Ruam kulit

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan PYRIMINE

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering di bawah suhu 30°C.

Lindungi daripada cahaya.

Jauhkan ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

PYRIMINE adalah tablet bersalut filem berbentuk bulat dwicembung dan berwarna jingga.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Pyridostigmine bromide 60 mg

- Bahan tidak aktif

Teras tablet: *Microcrystalline cellulose, corn starch, croscarmellose sodium, sodium starch glycolate, colloidal silicon dioxide, talcum, magnesium stearate*

Salutan filem: *Methacrylic acid copolymer, talcum, titanium dioxide, polyethylene glycol 6000 dan pewarna Sunset Yellow FCF Lake.*

- Nombor MAL

MAL08061648AZ

Pengilang

Sriprasit Pharma Co., Ltd.

216 Moo 6, Suanluang, Krathum Baen,
Samut Sakhon 74110, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.

No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250526/1484